U 8625 BAH
MUSA

KUALA LUMPUR, 1 DIS (BERNAMA) -- DATUK MUSA HITAM TELAH SECARA RASMI MENOLAK TAWARAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENYERTAI KABINET SEBAGAI MENTERI TAK BERPORTFOLIO.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN HARI INI BAHAWA SURAT JAWAPANNYA ITU DIHANTAR KEPADA PERDANA MENTERI SEMALAM.

DALAM SURAT ITU DATUK MUSA BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MENERIMA TAWARAN YANG DIBUAT ITU KERANA BERPENDAPAT PERPECAHAN ORANG MELAYU BERPUNCA DALAM PARTI, BUKAN KERAJAAN.

TAWARAN ITU DIBUAT OLEH DATUK SERI DR MAHATHIR PADA AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO OKTOBER LEPAS.

TENGKU RAZALEIGH HAMZAH, YANG JUGA DIKEMUKAKAN TAWARAN SERUPA, TELAH MENOLAKNYA. -- BERNAMA
1834MST 01 12 88